

25 OGOS 2017

## Pengedar dadah parah ditikam



**ZAHARUDIN RASIP (tengah) menunjukkan pisau yang digunakan seorang wanita yang menikam pengedar dadah semasa sidang akhbar di Ibu pejabat Polis Daerah Muar, Johor, semalam. - UTUSAN/ MUHAMAD AIMY AHMAD**

## Pengedar dadah parah ditikam

**MUAR 24 Ogos** - Berang akibat bekalan dadah yang sudah dibayarnya masih tidak diterima, seorang wanita bertindak menikam token dengan pisau di sebuah gerai makan di Parit Jawa di sini Selasa lalu.

Kejadian pada pukul 1.36 petang itu nyata mengejutkan beberapa pengunjung yang sedang menjamu selera di gerai tersebut.

Lelaki berusia 38 tahun yang dipercayai pengedar dadah secara kecil-kecilan yang ditikam menggunakan pisau berukuran 22 sentimeter itu cedera parah di bahagian kanan dada.

Ketua Polis daerah, Asisten Komisioner Zaharudin Rasip berkata, suspek yang berusia 26 tahun tersebut merupakan pelanggan kepada mangsa dan sering berurusan untuk mendapat-

kan bekalan dadah

“Sebelum mangsa ditikam, terdapat pergelutan antara suspek dan mangsa yang bertengkar mengenai urusan jual beli dadah sebelum suspek tiba-tiba mencaip sebilah pisau dan menikam mangsa.

“Motif kejadian gara-gara suspek tidak mendapat bekalan dadah yang dipesan walaupun bayaran sudah dibuat,” katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Zaharudin berkata, polis berjaya memberkas suspek lima jam kemudian di lokasi berhampiran dan kini direman selama lima hari sehingga Ahad ini.

Kes itu disiasat di bawah Seksyen 326 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda atau sebat jika sabit kesalahan.